

05 APR 1996

Mahathir-Pokok

MAHATHIR LANCAR PROJEK TANAM POKOK DI SELURUH NEGARA

PETALING JAYA, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan projek menanam pokok di seluruh negara dengan menanam sebatang pokok Petaling (*Ochanostachys Amentacea Masters*) di Taman Rekreasi Kelana Jaya di sini.

Acara itu disaksikan oleh kira-kira 400 orang.

Antara yang hadir ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Mereka juga adalah antara yang menanam kira-kira 120 pokok daripada lapan spesies yang kebanyakannya daripada jenis balak berkualiti.

Projek "Hadiah Pokok" itu adalah usahasama yang dikendalikan bersama Persatuan Pencinta Alam, Persekutuan Hartanah Antarabangsa, Persatuan Penilai dan Perunding Harta Swasta Malaysia, Lions Club, One Earth Entreprise dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Seorang jurucakap penganjur berkata projek itu, yang menjadikan penggantian pokok menerusi tanaman semula sebagai terasnya, bertujuan menjadikan penanaman pokok satu latihan bermakna bagi mereka yang peka kepada pengekaln alam sekitar semula jadi.

Beliau berkata program itu juga memperkenalkan satu idea baru -- pemberian pokok sebagai hadiah pada semua acara.

Dr Mahathir juga menerima sumbangan sebanyak RM300,000 daripada badan korporat dan individu bagi projek hadiah pokok itu.

Pengerusi projek tanaman pokok Persatuan Pencinta Alam John Loh berkata projek itu unik kerana buat julung kalinya terdapat satu program rasmi yang memetakan setiap pokok yang ditanam, yang merupakan sebahagian daripada latihan itu.

"Setiap orang yang menyumbang RM100 boleh menanam pokok atas namanya atau nama orang lain yang mahu dihargainya dan diberi Sijil Pokok yang bernombor dan rekodnya akan disimpan oleh Persatuan Pencinta Alam," katanya.

Setakat ini, maklumat balas terhadap projek itu sangat menggalakkan. Pertubuhan-pertubuhan yang masing-masing menyumbangkan RM50,000 kepada projek itu bagi menanam lima "hutan" (bersamaan dengan 500 batang pokok) termasuk Arab Malaysian Development Berhad, Bandar Utama Development Sdn Bhd, Land and General Berhad dan Sunrise Berhad. -- BERNAMA

MGM NAK